

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN RUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 16 JUN 2004 PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 42-100037
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan hospital Kerajaan yang memberi perkhidmatan hemodialysis.
2. 19-100183
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memulihkan kembali tanggapan negarif masyarakat terhadap guru yang gagal di dalam Ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).
3. 8-100300
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melantik jurubahasa di Agensi-Agensi Kerajaan (Services Industries) seperti EPF, Socso, Imigresen dan lain-lain untuk memberi kemudahan kepada mereka yang tidak fasih berbahasa Melayu atau Bahasa Inggeris khususnya warga tua.
4. 24-100317
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula struktur gaji dan elaun yang dibayar kepada kakitangan Kerajaan memandangkan harga barangan harian telah meningkat berlipat kali ganda semenjak semakan gaji kakitangan awam yang lepas.

5. 40-100219
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan Pelan Intergriti Nasional (PIN) mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan memandangkan ianya adalah rangka kerja komprehensif dan holistik untuk mengkaji amalan terbaik, mekanisme baru, jawatankuasa serta struktur bagi menjalankan urus tadbir yang cekap iaitu akuntabiliti, ketelusan dan kecekapan di seluruh negara.
6. 46-100088
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan syarikat serta peratus saham yang dimiliki oleh Kerajaan dan apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat yang gagal menunjukkan prestasi yang baik.
7. 23-100166
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan dan pencapaian pelajar-pelajar Siam yang mengambil peperiksaan UPSR, PMR, SPM, STPM dan Universiti antara tahun 2000 hingga 2003. Apakah usaha-usaha Kementerian bagi meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar-pelajar tersebut.
8. 20-100055
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jumlah ahli profesional sama ada warga Malaysia atau warga pemastautin tetap Malaysia yang telah berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan apakah sumbangan mereka dalam usaha menangani masalah gejala sosial di kalangan masyarakat.
9. 27-100261
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah syarat kemasukan ke pusat-pusat latihan kemahiran terlalu bergantung kepada keputusan akademik sedangkan masih terdapat ramai belia yang gagal di dalam akademik tetapi mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam bidang lain yang bergantung kepada kemahiran di mana ini telah menyekat mereka dari terus mempertingkatkan kemahiran diri untuk bersaing di dalam bidang pekerjaan dan menyebabkan terdapat ramai belia yang terpaksa menggagur. Apakah tindakan yang diambil pihak Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.
10. 52-100320
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan segera yang perlu diambil bagi menangani masalah kelewatan pembayaran yang sering kali berlaku kepada kontraktor-kontraktor oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

11. 700212
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula dasar tambatan ringgit-dolar Amerika memandangkan kejatuhan nilai dolar agak ketara dan dijangka terus menurun pada masa terdekat.
12. 4-100001
Puan Jaya Partiban minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa kebanyakan masalah berhubung dengan sekolah-sekolah Tamil dan Cina boleh diatasi jika dengan ikhlasnya Kementerian menjadikan semua sekolah bantuan modal sebagai sekolah bantuan penuh dan apakah langkah-langkah yang diambil ke arah ini.
13. 41-100101
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang Guru Penolong Kanan Sekolah Rendah, Gred B mengajar mata pelajaran Inggeris tidak diberi tumbuhan 10% cuma diberi elaun tanggungjawab RM60. Ini telah merugikan mereka:-
 - (a) adakah Kementerian bersedia untuk mengubah keadaan ini; dan
 - (b) adakah Kementerian sedia memberi imbuhan 10% kepada semua pentadbiran yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris.
14. 48-100206
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah isu-isu utama yang Malaysia akan suarakan di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Dunia apabila negara mengambil tempatnya di badan tersebut pada 2005 memandangkan Malaysia mendapat sokongan terbanyak semasa dipilih untuk tempoh tiga tahun.
15. 25-100153
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan:-
 - (a) apakah tujuan sebenarnya Kementerian mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mendapatkan pas lawatan sosial untuk suami warga asing yang tinggal di negara ini; dan
 - (b) adakah Kementerian ini sedar bahawa terdapat banyak kes di mana pekerja warga asing mengambil kesempatan untuk berkahwin wanita tempatan semata-mata untuk tinggal ataupun menetap di negara ini.

16. 7-100296
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan Negeri sedia memberi hak milik tanah kepada syarikat/rakyat Malaysia yang berminat melabur dalam sektor pertanian baik yang besar mahupun kecil dan sederhana kerana polisi Kerajaan ada tetapi sukar untuk mendapatkan tanah Kerajaan bagi menjayakan hasrat Kerajaan membangun dalam sektor pertanian.
17. 49-100247
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah justifikasi pihaknya dalam membuat penstrukturan semula syarikat-syarikat berkepentingan ataupun milik penuh Kerajaan dalam membantu menjana pertubuhan ekonomi negara kita.
18. 9-100231
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan adakah pemantauan dibuat terhadap perjalanan IPTS di seluruh negara dan bagaimanakah pemantauan ke atas IPTS dibuat.
19. 44-100025
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah membuat kajian terhadap faktor-faktor keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak dalam usaha negara mewujudkan suasana yang selamat kepada golongan ini.
20. 18-100275
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang benar-benar berkesan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam usaha mempertingkatkan dinamisme profesion perguruan agar selari dengan perkembangan dunia global tanpa sempadan kini.
21. 8-100303
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dapatkah pihaknya memberikan lebih banyak peluang kepada Ahli-Ahli Korporat daripada kaum keturunan India untuk menjadi Ahli Lembaga untuk anak syarikat-anak syarikat Kerajaan (Government Linked Companies). Adakah Kerajaan berhasrat untuk merealisasikannya.
22. 17-100193
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**

- ASAS TANI** menyatakan beberapa jenis herba di Malaysia yang bernilai komersial dan berapa jenis herba telah ditanam secara komersial berserta keluasan dan hasilnya.
23. 24-100315
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang masalah kepadatan murid-murid di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dan apakah rancangan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.
24. 9-100252
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Badan Pencegah Rasuah (BPR) mempunyai anggota yang mencukupi dan terlatih untuk melaksanakan tugas dengan berkesan agar selari dengan konsep Islam Hadari.
25. 18-100266
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan serta perancangan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha merealisasikan Dasar Ekonomi Pertanian Negara.
26. 19-100165
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik sebenar kadar peningkatan serta pemahaman murid berhubung dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris khususnya penguasaan pelajar-pelajar di luar bandar.
27. 45-100070
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status projek Plaza Rakyat yang tertangguh pembinaannya semenjak 1998.
28. 45-100068
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kelahiran anak-anak luar nikah mengikut pecahan negeri, bangsa dan agama antara 1995 hingga 2003.
29. 17-100192
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada kajian dibuat untuk mencari jenis-jenis pertanian baru yang boleh mendatangkan keuntungan yang besar seperti pengenalan penanaman pokok getah, kelapa sawit dahulu, dan apakah hasil kajian tersebut.

30. 34-100156
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) sehingga April, 2004 berapakah jumlah kes penderaan dan jenayah seksual yang telah dilaporkan; dan
 - (b) secara perbandingan dengan negara membangun yang lain, adakah jumlah kes penderaan dan jenayah seksual yang lain, adakah jumlah kes penderaan dan jenayah seksual di negara kita sudah sampai ke tahap yang membimbangkan dan apakah strategi baru yang sedang dan telah diambil oleh Kementerian untuk menangani fenomena tersebut.
31. 42-100033
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan permohonan mengikut kaum yang berjaya dan gagal mendapat tawaran memasuki pusat matrikulasi bagi sesi akademik tahun 2004/2005.
32. 7-100293
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci berapa banyak rumah murah telah didirikan di ladang-ladang dan lombong di bawah rancangan perumahan untuk pekerja ladang dan lombong melalui peruntukan khas RM100 juta yang telah diisytiharkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak. Sama ada rancangan ini masih diteruskan dan berapa banyak wang telah digunakan untuk rancangan ini.
33. 39-100122
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan isu kemerosotan tahap pencapaian atlit-atlit negara di dalam kejohanan-kejohanan di peringkat antarabangsa terutamanya dalam sukan badminton, bola sepak, hoki dan olahraga. Bagaimanakah Kementerian dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi bagi mempertingkatkan mutu pencapaian para atlit negara.

34. 27-100225
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah peruntukan projek-projek pertanian seluruh negara yang telah dibelanjakan berdasarkan permohonan projek-projek termasuk projek-projek perintis dan sejauh manakah keperluan bekalan makanan negara mencukupi bagi menampung sebarang situasi yang kritikal seperti perang dan sebagainya; dan
 - (b) adakah Kementerian ini bercadang menjalankan satu projek keperluan makanan negara dengan melaksanakan 'satu wilayah satu projek pertanian'. Pemilihan projek bervariasi dari ternakan lembu, kambing, tanaman serta ternakan ikan dan lain-lain.
35. 45-100041
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan jumlah jam penyiaran rancangan-rancangan televisyen bercorak agama dan bercorak hiburan yang disiarkan oleh RTM dan saluran-saluran swasta mengikut saluran antara 2000 hingga 2003.
36. 21-100095
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian menjalankan pemeriksaan latar belakang kesemua jurulatih (Trainer) Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan adakah sistem penilaian terhadap jurulatih-jurulatih di mana mereka yang tidak melaksanakan tugas pada tahap yang ditetapkan akan diganti.
37. 9-100255
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah pihaknya bercadang untuk mengubah polisi perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diguna pakai sekarang iaitu berkhidmat 10, 15, 18 dan 21 tahun ditukarkan kepada perkhidmatan terus selama 21 tahun atau sehingga pencen.
38. 12-100129
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pandangan sekiranya boleh diwujudkan satu jawatankuasa bebas yang dianggotai oleh pihak pentadbiran Kerajaan, perundangan, akademik dan kumpulan masyarakat tertentu dan sebagainya untuk membuat penilaian menyeluruh mengenai pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) hasil dari program yang pertama ini sebelum program seterusnya diadakan.

39. 47-100005
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah punca-punca 5 orang tentera Malaysia (4 orang berpangkat sarjan dan seorang berpangkat koperal) yang telah dilaporkan tersesat dan memasuki sempadan wilayah Thailand pada 8 April 2004 yang lepas.
40. 20-100063
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kementerian ada mewujudkan kod etika dan tatasusila bagi para peserta dan fasilitator kursus Program Khidmat Latihan Negara (PKLN) untuk menangani isu-isu sala laku di kalangan peserta dan fasilitator tersebut serta berapa bilangan peserta, fasilitator yang telah dikenakan tindakan tatatertib.
41. 19-100181
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimanakah tenaga pengajar dan para jurulatih untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di tapis serta diserap ke dalam program tersebut.
42. 39-100143
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian telah mewujudkan pendidikan bersifat keagamaan atau 'spritual' kepada pelatih-pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan menjadikan aktiviti keagamaan sebagai salah satu latihan yang wajib semasa sesi latihan agar dapat meningkatkan ketahanan mental dan 'spritual' di kalangan peserta-peserta.
43. 47-100003
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kes-kes sosial yang telah berlaku sepanjang tempoh Program Latihan Khidmat Negara (PKLN) berlangsung di seluruh negara mengikut pecahan jenis kes, jumlah kes dan pelatih yang terbabit.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 7/2004) Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”**. [15 Jun 2004]
2. (D.R. 10/2004) Rang Undang-undang Agensi Bacaan Kali Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004. Yang Kedua
3. (D.R. 9/2004) Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004. “
4. 52-100327
Dato’ Ikhwan Salim bin Dato’ Haji Sujak akan mencadangkan:-
Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar menubuhkan satu Tabung/Dana bagi tujuan pembayaran terus kepada kontraktor daripada menunggu pembayaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang sering kali mengambil tempoh yang lama sehingga menyebabkan kontraktor ini terpaksa gulung tikar. Pihak Berkuasa Tempatan akan membuat pembayaran terus kepada Tabung/Dana yang bakal ditubuhkan.
5. 52-100330
Dato’ Ikhwan Salim bin Dato’ Haji Sujak akan mencadangkan:-
Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada kontraktor bumiputera dapat disalurkan melalui satu jawatankuasa yang memastikan kontraktor-kontraktor ini membeli peralatan-peralatan yang diperlukan bagi melaksanakan projek yang dirancang daripada hanya menggunakannya dengan sesuka hati dan kemudiannya tidak mampu membayar kembali pinjaman tersebut. Ini seringkali terjadi kepada kontraktor baru dan tujuan pinjaman ini adalah bagi melahirkan kontraktor yang berjaya dan berwibawa.
6. 52-100328
Dato’ Ikhwan Salim bin Dato’ Haji Sujak akan mencadangkan:-
Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar menubuhkan satu jawatankuasa bagi mengkaji teknik penggunaan pembelajaran terkini seperti "Kumon Mathematical Learning", "Speed Learning" dan

sebagainya untuk di implementasikan di peringkat sekolah-sekolah memandangkan teknik ini terbukti berjaya.

7. 52-100331

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak akan mencadangkan:-

Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan yang berkenaan di peringkat universiti. Sebagai contoh, bagi pelajar yang meminati sektor perbankan, mereka akan diperkenalkan kepada cabang-cabang perbankan seperti perbankan Islam, moden, konvensional dan sebagainya.

8. 52-100329

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak akan mencadangkan:-

Bahawa mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk mengambil alih dewan-dewan yang kurang berfungsi yang terdapat di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan untuk dijadikan Dewan Sukan "Futsal" yang kebelakangan ini dapat menarik minat anak-anak muda. Ianya bukan hanya dapat mengurangkan budaya lepak malah anak-anak muda ini tidak perlu mengeluarkan belanja yang banyak dengan menyewa dewan "Futsal" swasta.

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

TAHUN
2004

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

ST.1	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (LPPPM) Tahun 2002 (Telah Diaudit)	16 Jun 2004
ST.3	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2001 dan 2002	16 Jun 2004
ST.5	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Tahun 2001	16 Jun 2004
ST.7	Laporan Tahunan Universiti Putra Malaysia (UPM) Tahun 2001	16 Jun 2004
ST.21	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Tahun 2002	16 Jun 2004
ST.22	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	16 Jun 2004
ST.26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan LPPKN (Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara Malaysia Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	16 Jun 2004
ST.29	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2004	16 Jun 2004
ST.41	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.50) 2003 - P.U.(A) 351 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
ST.42	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.51) 2003 -P.U.(A) 352 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
<u>TAHUN 2004</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.43	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.52) 2003 -P.U.(A) 353 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004

ST.44	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.53) 2003 - P.U.(A) 354 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
ST.45	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.54) 2003 - P.U.(A) 355 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
ST.46	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.55) 2003 - P.U.(A) 356 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
ST.47	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.56) 2003 - P.U.(A) 357 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
ST.48	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.57) 2003 - P.U.(A) 358 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
ST.49	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.58) 2003 - P.U.(A) 359 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
ST.50	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.59) 2003 - P.U.(A) 368 bertarikh 25 September 2003	16 Jun 2004
ST.51	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.60) 2003 - P.U.(A) 382 bertarikh 9 Oktober 2003	16 Jun 2004
ST.52	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.61) 2003 - P.U.(A) 404 bertarikh 9 Oktober 2003	16 Jun 2004
ST.53	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.62) 2003 - P.U.(A) 405 bertarikh 9 Oktober 2003	16 Jun 2004

TAHUN
2004

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

ST.54	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.63) 2003 - P.U.(A) 406 bertarikh 9 Oktober 2003	16 Jun 2004
-------	--	-------------

ST.55	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.64) 2003 - P.U.(A) 407 bertarikh 9 Oktober 2003	16 Jun 2004
ST.56	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.65) 2003 - P.U.(A) 420 bertarikh 6 November 2003	16 Jun 2004
ST.57	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.66) 2003 - P.U.(A) 441 bertarikh 27 November 2003	16 Jun 2004
ST.58	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2004 - P.U.(A) 9 bertarikh 1 Januari 2004	16 Jun 2004
ST.59	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pembatalan) 2004 - P.U.(A) 10 bertarikh 1 Januari 2004	16 Jun 2004
ST.60	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Lebanon) 2003 - P.U.(A) 418 bertarikh 6 November 2003	16 Jun 2004
ST.61	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Croatia) 2003 - P.U.(A) 426 bertarikh 13 November 2003	16 Jun 2004
ST.62	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Penjimatan Tenaga) 2003 - P.U.(A) 349 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004
ST.63	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Tambang Cuti) 2003 - P.U.(A) 350 bertarikh 18 September 2003	16 Jun 2004

TAHUN
2004

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

ST.64	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Transaksi Yang Ditetapkan) 2003 - P.U.(A) 472 bertarikh 31 Disember 2003	16 Jun 2004
-------	--	-------------

ST.65	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Penerbitan Sekuriti Hutang Bersandarkan Aset) 2003 - P.U.(A) 473 bertarikh 31 Disember 2003	16 Jun 2004
ST.66	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Penerbitan Sekuriti Hutang Islam Swasta Mengikut Prinsip Istisna) 2003 - P.U.(A) 474 bertarikh 31 Disember 2003	16 Jun 2004
ST.67	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pemerbadanan) 2003 - P.U.(A) 475 bertarikh 31 Disember 2003	16 Jun 2004
ST.68	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan)(Pindaan) 2003 - P.U.(A) 477 bertarikh 31 Disember 2003	16 Jun 2004
ST.69	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaksanaan RosettaNet) 2004 - P.U.(A) 8 bertarikh 1 Januari 2004	16 Jun 2004
ST.70	Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No.3) 2003 - P.U.(A) 450 bertarikh 1 Disember 2003	16 Jun 2004
ST.71	Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No.4) 2003 - P.U.(A) 451 bertarikh 1 Disember 2003	16 Jun 2004
ST.72	Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 2003 - P.U.(A) 369 bertarikh 25 September 2003	16 Jun 2004
ST.73	Printah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 2003 - P.U.(A) 456 bertarikh 18 Disember 2003	16 Jun 2004

TAHUN
2004

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

ST.74	Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2003	16 Jun 2004
-------	--	-------------

- P.U.(A) 457 bertarikh 18 Disember 2003

ST.75	Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2003 - P.U.(A) 471 bertarikh 30 Disember 2003	16 Jun 2004
ST.76	Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2004 - P.U.(A) 3 bertarikh 1 Januari 2004	16 Jun 2004
ST.77	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004 - P.U.(A) 1 bertarikh 1 Januari 2004	16 Jun 2004
ST.79	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2004 - P.U.(A) 4 bertarikh 1 Januari 2004	16 Jun 2004
ST.80	Perintah Duti Eksais 2004 - P.U. (A) 5 bertarikh 1 Januari 2004	16 Jun 2004
ST.81	Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) 2004 - P.U. (A) 6 bertarikh 1 Januari 2004	16 Jun 2004
ST.91	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	16 Jun 2004
ST.105	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2004 - P.U. (A) 51 bertarikh 5 Februari 2004	16 Jun 2004

TAHUN
2004

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

ST.106	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2004 - P.U. (A) 52 bertarikh 5 Februari 2004	16 Jun 2004
--------	---	-------------

ST.107	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2004 - P.U. (A) 53 bertarikh 5 Februari 2004	16 Jun 2004
ST.108	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) 2004 - P.U. (A) 84 bertarikh 26 Februari 2004	16 Jun 2004
ST.109	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.6) 2004 - P.U. (A) 94 bertarikh 4 Mac 2004	16 Jun 2004
ST.110	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2004 - P.U. (A) 115 bertarikh 1 April 2004	16 Jun 2004
ST.111	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Islam Iran) 2004 - P.U. (A) 59 bertarikh 12 Februari 2004	16 Jun 2004
ST.112	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Islam Iran) (Pindaan) 2004 - P.U. (A) 60 bertarikh 12 Februari 2004	16 Jun 2004
ST.113	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Maghribi) 2004 - P.U. (A) 61 bertarikh 12 Februari 2004	16 Jun 2004
ST.114	Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2004	16 Jun 2004
ST.115	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.9) 2004 - Negeri Sembilan (Jalan Sua Betong – Sunggal)	16 Jun 2004

TAHUN
2004

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

CMD.1	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia 2002	16 Jun 2004
-------	--	-------------

CMD. 2	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Johor Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 3	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 4	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 5	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 6	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 7	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 8	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Perak Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 9	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 10	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 11	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 12	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 13	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2001.	16 Jun 2004
CMD. 14	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2001.	16 Jun 2004

TAHUN
2004

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

CMD. 18	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Johor Tahun 2002.	16 Jun 2004
---------	---	-------------

CMD. 19	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 20	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 21	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 22	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 23	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 24	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Perak Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 25	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 26	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 27	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 28	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 29	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2002.	16 Jun 2004
CMD. 30	Laporan Ketua Audit Negara bagi Akaun Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2002.	16 Jun 2004